

Tingkatan 2: Bab 5 Kekayaan Ekonomi Sabah Menarik Minat Syarikat Borneo Utara British 沙巴的经济财富吸引了英国北婆罗洲公司

5.1 SBUB Bertapak di Sabah 英国北婆罗洲踏足沙巴

1. Pada peringkat awal, Sabah berada di bawah pengaruh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu.

在早期阶段，沙巴是汶莱苏丹和苏鲁苏丹的势力之下。

2. Sabah menjadi tumpuan pedagang Barat pada kurun ke-19 disebabkan :

沙巴在 19 世纪期间成为西方商人的焦点，因为：

(a) Kekayaan hasil bumi

丰富的天然资源

(b) Kedudukan yang strategik

战略性的位置

3. Potensi ekonomi Sabah telah menarik perhatian pelabur-pelabur Barat dari Britain, Amerika Syarikat, Belanda, dan Sepanyol.

沙巴的经济潜力吸引英国，美国，荷兰和西班牙西方投资者的关注。

4. Pada tahun 1865, sultan Brunei memberi konsesi tanah di Sabah kepada Charles L. Moses, seorang wakil Amerika Syarikat selama 10 tahun.

在 1865 年，汶莱苏丹给 **Charles L. Moses**，那就是美国代表在沙巴州的土地特许权长达 10 年。

5. Moses menjujukan konsesi yang diperolehinya itu kepada The American Trading Company yang diketuai oleh J. W. Torrey dan T. B. Harris.

Moses 将获得的特许权卖给由 **J. W. Torrey** 和 **T. B. Harris** 率领的美国贸易公司。

6. Torrey gagal memajukan penanaman kopi dan tebu di kawasan Kimanis dan menjual haknya kepada Von Overbeck, seorang saudagar di Austria.

Torrey 不能促进在 **Kimanis** 的咖啡和甘蔗种植业并将他的权利卖给，**Von Overbeck**，奥地利的商人。

7. Pada tahun 1877, Overbeck meminjam wang daripada Syarikat Alfred Dent dan Edward Dent kerana menghadapi masalah kekurangan modal.

在 1877 年，**Overbeck** 向 **Alfred Dent** 和 **Edward Dent** 的公司借钱，因为资金短缺问题。

8. Bagi memelihara kepentingan British di Sabah, Gabenor Labuan, iaitu W. H. Treacher membantu Overbeck memperbaharui tempoh pajakan daripada sultan Brunei.

为保障英利在沙巴的利益，**Labuan** 的总督，**W. H. Treacher** 帮助 **Overbeck** 向汶莱苏丹续约租约。

9. Overbeck dikenakan syarat, iaitu syarikat yang ditubuhkannya harus diletakkan di bawah kekuasaan British.

规定给 **Overbeck** 的条件，就是他建立的公司必须放到英国的权力之下。

10. Dalam perjanjian memperbaharui pajakan pada tahun 1877, sultan Brunei iaitu, Sultan Abdul Mu'mein menyerahkan tanah antara Teluk Kimanis dan Sungai Sibuku kepada Overbeck dan Dent.

于 1877 年续订的租约协议，汶莱苏丹，**Abdul Mu'mein** 苏丹将金马尼士海湾（Teluk Kimanis）和 Sibuku 河之间的土地移交给 **Overbeck** 和 **Dent**。

11. Pada tahun 1878, Overbeck dan Dent menandatangani satu perjanjian dengan sultan Sulu, Sultan Jamalul Alam kerana sebahagian daripada kawasan Sabah adalah di bawah pemerintahan sultan Sulu.

在 1878 年，**Overbeck** 和 **Dent** 与苏禄苏丹，**Jamalul Alam** 苏丹签订协议因为一部分的沙巴地区是苏禄苏丹统治的。

12. Dalam perjanjian tersebut, sultan Sulu telah menyerahkan kawasan dari Sungai Pandasan hingga ke Sungai Sibuku kepada Overbeck dan Dent.

在这协议中，苏禄苏丹把 **Pandasán** 河和 **Sibuku** 河之间的土地移交给 **Overbeck** 和 **Dent**。

13. Pada tahun 1880, Overbeck menjualkan semua haknya kepada Alfred dan Edward Dent.

在 1880 年，**Overbeck** 把他所有的权力卖给 **Alfred** 和 **Edward Dent**。

14. Dent menubuhkan Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad untuk menambahkan dana syarikat dengan menawarkan saham kepada rakyat British.

Dent 成立英国北婆罗洲临时协会有限公司，通过提供股票给英国人民以增加公司的资金。

15. Bagi mengukuhkan kedudukan perniagaannya, persatuan tersebut cuba mendapatkan Piagam Diraja daripada kerajaan British.

为了巩固他的企业地位，协会试图获得英国政府的皇家宪章。

16. Pada bulan November 1881, kerajaan British menganugerahkan piagam kepada Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad.

在 1881 年 11 月，英国政府授予宪章给英国北婆罗洲临时协会有限公司。

17. Syarat pemberian piagam kepada Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad

授予宪章给英国北婆罗洲临时协会有限公司的条件

(a) SBUB tidak boleh menyerahkan wilayah Sabah kepada kuasa Eropah yang lain tanpa persetujuan daripada kerajaan British.

SBUB 不可以在没有英国政府的批准之下就移交沙巴地区给其他欧洲强国。

(b) SBUB mesti melantik pentadbir daripada pegawai yang diakui oleh kerajaan British.

SBUB 必须从英国政府认可的官员委任行政人员。

(c) SBUB hendaklah memelihara agama, adat resam, dan undang-undang penduduk tempatan.

SBUB 必须保持本地人的宗教，习俗和法律。

(d) SBUB hendaklah memerintah Sabah dengan adil dan saksama.

SBUB 必须公平，公正地治理沙巴。

(e) SBUB mesti menerima nasihat daripada kerajaan British.

SBUB 必须接受英国政府的意见。

18. Kesan pemberian Piagam Diraja

授予皇家宪章的影响

(a) British berjaya meluaskan pengaruhnya ke Sabah dan menghalang kuasa Eropah lain daripada menguasai Sabah.

英国成功地扩展它的势力到沙巴，防止其它欧洲强国控制沙巴。

(b) SBUB diberi kuasa untuk mentadbir Sabah.

SBUB 被授权统治沙巴。

19. Pada tahun 1882, nama syarikat tersebut ditukarkan kepada Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Sir Rutherford Alcock dilantik menjadi Presiden pertama SBUB dan Alfred Dent sebagai Pengurus Urusan.

1882 年，该公司的名称变成英国北婆罗洲公司（SBUB）。Rutherford Alcock 爵士成为 SBUB 第一个主席和 Alfred Dent 作为事务经理。

20. Pada tahun 1888, SBUB menandatangani Perjanjian Perlindungan Borneo Utara yang menjadikan Sabah negeri naungan British.

1888 年，SBUB 签署一项保护北婆罗洲的协议，使沙巴州成为英国的附属国。

21. Melalui perjanjian tersebut, hal ehwal luar Sabah dikendalikan oleh kerajaan British.

通过这项协议，沙巴的外交事务由英国政府处理。

Mesej Focus 资讯焦点

Sabah juga dikenali dengan nama Negeri di Bawah Bayu. Semasa Sabah diperintah oleh Syarikat Borneo Utara British, Sabah dikenali sebagai Borneo Utara. Nama Sabah mula digunakan secara rasmi pada 16 September 1963 apabila Borneo Utara menyertai Malaysia.

沙巴又称的土地下面的风。当沙巴被英国北婆罗洲公司统治，沙巴被称为北婆罗洲。沙巴的名字正式开始启用于 9 月 16 日 1963 年，当北婆罗洲加盟马来西亚。

5.2 SBUB Mengukuhkan Kuasa di Sabah 英国北婆罗洲公司在沙巴巩固势力

1. Pemerintahan SBUB di Sabah diketuai oleh Gabenor. Gabenor pertama ialah W.H. Treacher. Beliau dilantik oleh pengarah syarikat dengan persetujuan kerajaan British.

在沙巴州 **SBUB** 的行政是以总督为首。第一任总督是 **W.H. Treacher**。他为公司的董事会以英国政府的批准被任命。

2. Gabenor dibantu oleh Majlis Penasihat yang ditubuhkan pada tahun 1883. Ahli Majlis Penasihat terdiri daripada :

总督由成立于 **1883** 年的顾问委员会协助。顾问委员会成员包括：

(a) Setiausaha Kerajaan 政府秘书

(b) Bendahari 财务大臣

(c) Ketua Pasukan Keselamatan 保安队长

3. Sandakan telah dijadikan pusat pentadbiran.


山打根成为行政中心。

4. Bagi melicinkan urusan pentadbiran, pihak SBUB telah menubuhkan beberapa jabatan kerajaan.

为了方便管理，英国北婆罗洲公司先后成立了多个政府部门。

5. Organisasi pentadbiran Syarikat Borneo Utara British

英国北婆罗洲公司的行政组织



6. Bagi memudahkan urusan pentadbiran, negeri Sabah dibahagikan kepada beberapa residensi. Setiap residensi diketuai oleh seorang Residen.

为了易于管理，沙巴被分为几个居留 (residensi)。每个居留 (residensi) 由领事率领。

7. Pada peringkat awal, hanya terdapat dua residensi tetapi menjadi empat pada tahun 1935. Residensi tersebut ialah :

在早期阶段，只有两个居留 (residensi) 但在 1935 年变成到四个居留 (residensi) :

- (a) Residensi Pantai Barat 西海岸居留
- (b) Residensi Sandakan 山打根居留
- (c) Residensi Pedalaman 内陆居留
- (d) Residensi Tawau 斗湖居留

8. Residensi dibahagikan pula kepada sepuluh daerah. Setiap daerah diketuai oleh Pegawai Daerah yang berbangsa Eropah.

居留 (residensi) 分为十个省份。每个省份由欧洲的民政事务专员率领。

9. Pada tahun 1915. Jawatan Timbalan Penolong Pegawai Daerah diperkenalkan dan disandang oleh penduduk tempatan.

在 1915 年，推出副民政事务专员办公室并由当地居民担任。

10. Ketua Anak Negeri yang bergelar Orang Kaya-kaya (O. K. K.) membantu Pegawai Daerah dalam pentadbiran. O. K. K. Haji Muhammad Arshad merupakan Ketua Anak Negeri yang menganggotai pentadbiran SBUB.

被称为 **Orang Kaya-kaya (O. K. K.)** 的原住民首长在行政管理方面协助民政事务专员。**O. K. K. Haji Muhammad Arshad** 是参与 **SBUB** 统治的原住民首长。

11. Mereka diberi surat kuasa yang membolehkan mereka menguruskan hal yang berkaitan dengan masyarakat tempatan.

他们被给予授权书，使他们能够处理有关当地社区的事务。

12. Pada peringkat kampung, SBUB melantik Ketua Kampung yang digelar sebagai Orang Tua.

在村的级别，**SBUB** 委任被称为 **Orang Tua** 的村长。

13. SBUB mengekalkan penglibatan peribumi dalam pentadbiran di peringkat daerah dan kampung kerana :

SBUB 保持原住民参与在县和村庄的治理，因为：

(a) Mereka memahami adat dan budaya masyarakat tempatan.

他们了解当地社会的习俗和文化。

(b) Tidak mampu menggaji ramai pegawai Eropah kerana menghadapi masalah kewangan.

无法够聘请许多欧洲官员因为面临财政困难。

14. SBUB melaksanakan undang-undang Barat dan undang-undang tempatan untuk menjaga keamanan negeri.

SBUB 实施西方法律和本地法律以保护州内的安全。

15. Mahkamah Majistret dan Mahkamah Anak Negeri telah diwujudkan.

地方法院和本土法院被成立。

16. Mahkamah Anak Negeri diketuai oleh Ketua Anak Negeri. Pelantikan ini meningkatkan martabat serta kewibawaan ketua-ketua peribumi.

本土法院由原住民首长率领。这个委任增加原住民领袖的尊严和权威。

Mahkamah Majistret 地方法院	Perkara 事项	Mahkamah Anak Negeri 本土法院
Mengendalikan kes-kes berat seperti kes pembunuhan, penculikan dan rompakan. 处理严重的案件比如谋杀，绑架和抢劫。	Bidang kuasa 权限	Mengendalikan kes-kes peribumi yang berkaitan dengan undang-undang Islam dan hukum adat. 处理原住民与回教法令和习俗法令有关的案件。
Dihakimi oleh Pegawai Daerah. 由民政事务专员审判。	Hakim 法官	Hakim dilantik daripada kalangan Ketua Anak Negeri yang arif dalam bidang agama Islam dan adat.

5.3 SBUB Mengeksploitasi Hasil Bumi Sabah 英国北婆罗洲公司利用沙巴的天然资源

1. Matlamat utama SBUB menguasai Sabah adalah untuk mendapatkan kekayaan hasil bumi negeri Sabah.

英国北婆罗洲公司控制沙巴主要的目的是为了得到沙巴丰富的天然资源。

2. SBUB mengeksploitasi hasil tradisional Sabah seperti sarang burung, sagu, rotan, pokok lanut, trepang, dan sirip ikan yu.

英国北婆罗洲公司利用沙巴的传统收成比如燕窝，西米，藤，lanut 树，海参和鱼翅。

3. Selain itu, SBUB juga menguasai aktiviti pertanian, pembalakan, dan perlombongan.

除此以外，英国北婆罗洲公司也掌控农业，伐木业和矿业。

4. Tujuan SBUB mengeluarkan mata wang pertama pada tahun 1882

英国北婆罗洲公司于 1882 年推出第一个货币的目的

(a) Menambahkan pelaburan.

增加投资。

(b) Memudahkan kegiatan perdagangan.

方便贸易活动。

(c) Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman.

提高农作物的生产量。

5.3.1 Hasil Tradisional Menyumbang Kewangan SBUB 传统收成有助于英国北婆罗洲公司的财务

1. Sarang burung 燕窝

(a) Sarang burung merupakan hasil eksport tradisional SBUB yang menguntungkan.

燕窝是给 SBUB 带来利润的出口传统收成。

(b) Pada tahun 1926, eksport sarang burung Sabah mencapai nilai 125 000 dolar.

1926 年，沙巴出口的燕窝价值达 125000 美元。

(c) Pengusaha terpaksa menggunakan tangga dan galah. untuk mendapatkan sarang burung yang terletak di dinding gua yang tinggi.

雇主不得不使用楼梯和长竹以获得位于高山洞的燕窝。

(d) Setelah memperolehnya, sarang burung itu dibersihkan dan dibungkus untuk dieksport.

一旦获取，燕窝被清洗和包装以出口。

2. Pokok lanut (Lanut 树)

(a) Pokok lanut dikenali sebagai abaka, manila hemp, atau musa textiles.

Lanut 树被称为麻蕉，蕉麻或穆萨纺织品。

(b) Pokok ini hidup meliar di kawasan pamah dan lembah.

这些树木野外生活在低洼地区和流域。

(c) Gentian pokok lanut dijemur sebelum diproses menjadi tali kapal untuk dieksport ke Eropah.

Lanut 的纤维在加工成船舶绳索之前被晒干以出口到欧洲。

3. Sagu 西米

(a) Pokok sagu juga dikenali sebagai rumbia.

西米树又称为西米露树。

(b) Sagu merupakan tanaman tradisional Sabah yang hidup subur di kawasan berpaya seperti di muara sungai.

西米是在沼泽地带比如河口茁壮生长的传统农作物。

(c) SBUB menggalakkan penduduk tempatan mengusahakan sagu kerana harganya yang tinggi di pasaran dunia.

SBUB 鼓励当地居民发展西米种植因为它在全球市场的价钱很高。

(d) Sagu dieksport ke Singapura dan Eropah.

西米出口到新加坡和欧洲。

(e) Eksport sagu pada tahun 1888 bernilai 93 433 dolar.

在 **1888** 年，西米的出口量值 **96466** 美元。

4. Hasil laut 海产

(a) SBUB menggalakkan penduduk tempatan mencari hasil laut seperti trepang dan sirip ikan yu.

SBUB 鼓励当地居民寻找海产，比如海参和鱼翅。

(b) Hasil laut ini mempunyai permintaan yang tinggi dan dieksport ke China.

这些海产有很高的需求量并出口到中国。

(c) Aktiviti mencari hasil laut diusahakan oleh kaum Bajau.

寻找海产的活动由 **Bajau** 族发展。

5. SBUB memaksa penduduk tempatan menambahkan hasil keluaran tradisional. Hasil keluaran tersebut akan dikenakan cukai seperti :

(a) Cukai tanah 土地税

(b) Cukai kepala 人头税

(c) Lesen perahu 船执照

(d) Lesen senjata 武器执照

Cukai tersebut membantu SBUB mengatasi masalah kewangannya.

这些税务帮助 **SBUB** 解决它的财务问题。

5.3.2 Hasil Pertanian Dagangan Meningkatkan Keuntungan SBUB 农作物收成提高 SBUB 的利润

1. Tembakau 烟草

(a) Tembakau merupakan tanaman dagangan Sabah yang penting kerana mutu tembakau Sabah diiktiraf sebagai tembakau terbaik di dunia.

烟草是沙巴重要的商业农作物，因为沙巴烟草的质量是世界上公认最好的烟草。

(b) Tembakau Sabah mendapat pasaran yang tinggi di Belanda dan Amerika Syarikat.

沙巴烟草在荷兰和美国获得较高的市场。

(c) SBUB mengecualikan cukai eksport ke atas tembakau sebagai langkah menggalakkan penduduk tempatan menanam tembakau.

SBUB 对烟草豁免征收出口税，以鼓励当地居民种植烟草。

(d) Kawasan penanaman tembakau ialah Pulau Banggi, Teluk Marudu, Lahad Datu, Tawau dan Sandakan.

种植烟草的地区是邦吉岛 (Pulau Banggi)，Marudu 海湾，拿笃 (Lahad Datu)，斗湖 (Tawau) 和山打根。

(e) Menjelang tahun 1890, terdapat 61 buah ladang tembakau di Sabah.

直到 1890 年，在沙巴有 61 个烟草种植园。

(f) Pada tahun 1902, hasil eksport tembakau Sabah mencecah nilai lebih dua juta dolar.

在 1902 年，沙巴烟草出口价值达到两百万美元。

2. Getah 橡胶

(a) Getah menjadi hasil eksport utama SBUB dan tanaman dagangan yang penting bagi Sabah.

橡胶是 SBUB 主要出口产品和沙巴重要的商业农作物。

(b) Pembinaan landasan kereta api telah menggalakkan pembukaan ladang-ladang getah di Beaufort, Jesselton, dan Tenom.

建造铁路鼓励在保佛 (Beaufort)，亞庇 (Jesselton) 和丹南 (Tenom) 开发橡胶园。

(c) Bagi menggalakkan penanaman getah, SBUB telah memperkenalkan pelbagai kemudahan dan keistimewaan seperti :

为了促进橡胶种植，SBUB 推出了一系列的设施和优惠，比如：

(i) Memberi empat peratus dividen kepada pengusaha getah.

给橡胶生产商百分之四的股息。

(ii) Pengusaha diberi pengecualian cukai eksport selama 50 tahun.

给予雇主豁免征收出口税长达 50 年。

(iii) Buruh dibawa dari China dan Jawa untuk bekerja di ladang getah.

从中国和爪哇带进工人以在橡胶园工作。

5.3.3 Pembalakan Menguntungkan SBUB 木伐业给 SBUB 带来盈润

1. SBUB menguasai hasil kayu balak di Sabah.

SBUB 控制沙巴的木伐收成。

2. Sabah kaya dengan kayu balak bermutu seperti seraya, ramin, kapur, belian dan meranti.

沙巴州有丰富的高质量木材，比如 seraya, ramin, kapur, belian 和 meranti。

3. Kegiatan pembalakan dijalankan di Sandakan, Lahad Datu, dan Tawau.

木伐业在山打根, **Lahad Datu** 和斗湖 (**Tawau**) 进行。

4. Buruh dari Indonesia dan Filipina dibawa masuk untuk bekerja dalam sektor ini.

从印尼和菲律宾带进工人以在这个行业工作。

5. Hasil balak Sabah dieksport ke China, Singapura, Britain dan Australia melalui Pelabuhan Sandakan.

5.3.4 Perlombongan Menggalakkan Kemasukan Pelabur 矿业鼓励外来投资者

1. SBUB turut mengeksploitasi kekayaan bahan galian di Sabah seperti emas, arang batu dan mangan.

SBUB 利用沙巴的矿物资源，比如金，煤石和锰。

2. Pada tahun 1886, lombong emas telah diusahakan oleh orang Cina di Sungai Segama.

1886 年，华人在 Segama 开发河金矿。

3. Arang batu dilombong di Labuan dan Silimponon, iaitu kawasan longgokan arang batu terbesar di Asia Tenggara. Perlombongan arang batu diusahakan oleh Syarikat Cowie Harbour Coal.

煤石在纳闽 (**Labuan**) 和 **Silimponon** 开采，该地区是东南亚最大的煤石堆。考伊海港煤炭公司 (**Syarikat Cowie Harbour Coal**) 经营煤矿开采。

4. Mangan diusahakan di Teluk Marudu oleh Syarikat British Borneo Exploration dan dieksport ke Britain.

锰在 **Marudu** 海湾被英国婆罗洲勘探公司 (**Syarikat British Borneo Exploration**) 开采，并出口到英国。

5.4 Perubahan Sosial SBUB di Sabah (SBUB 在沙巴的社会变化)

1. SBUB membangunkan pelbagai kemudahan asas seperti landasan kereta api, jalan raya, sekolah, hospital, telegraf, dan sebagainya di Sabah.

SBUB 在沙巴发展各种各样的基本设施，比如铁路，道路，学校，医院，电报等等。

2. Namun, pembinaan kemudahan asas ini adalah untuk memelihara kepentingan dan keuntungan SBUB di Sabah semata-mata.

然而，这些基本设施的建设只是为了维护 **SBUB** 在沙巴的利益和盈润而已。

5.4.1 Pengangkutan dan Perhubungan 交通和通讯

1. SBUB membina landasan kereta api untuk memudahkan kerja-kerja mengangkut hasil keluaran dari kawasan pedalaman ke pelabuhan.

SBUB 修建铁路，以易于从内陆地区运送产品到港口的工作。

2. Landasan kereta api pertama dibina di Sabah pada tahun 1896 menghubungkan Weston dengan Beaufort.

沙巴第一条铁路于 1896 年建造并连接 Weston 和保佛 (Beaufort)。

3. Pada tahun 1905, landasan kereta api ini disambung dari Beaufort ke Jesselton dan dari Tenom ke Malalap.

1905 年, 这条铁路从保佛 (Beaufort) 连接到亚庇 (Jesselton) 和丹南 (Tenom) 连接到 Malalap。

4. Menghubungkan kawasan ekonomi dengan bandar dan pelabuhan.

连接经济区与城市和港口。

5. Pembinaan jalan raya hanya tertumpu di kawasan bandar seperti Jesselton, Sandakan, Lahad Datu, Kudat dan Tawau.

道路建设只是集中在城市地区比如亚庇 (Jesselton), 山打根 (Sandakan), 拿笃 (Lahad Datu), 古达 (Kudat) 和斗湖 (Tawau)。

6. SBUB turut memajukan pengangkutan air dan sungai. Pada tahun 1890, syarikat perkapalan seperti Straits Steamship memulakan perkhidmatan untuk mengangkut penumpang dan barangan.

SBUB 发展水运和河运。1890 年, 船务公司比如海峡轮船 (Straits Steamship) 开始运送乘客和货物的服务。

5.4.2 Pendidikan 教育

1. Di Sabah, bidang pendidikan kurang diberi tumpuan oleh SBUB kerana :

在沙巴, 教育不被 SBUB 关注, 因为:

(a) Kekurangan wang 资金短缺

(b) Dianggap tidak menguntungkan 认为无利可图

2. Sekolah dibina oleh mubaligh Kristian untuk mengembangkan agama Kristian.

学校被基督教的传教士建立以发展基督教。

(a) Pada tahun 1883, sekolah mubaligh pertama, iaitu Institut Byron telah dibina oleh mubaligh Roman Katolik di Sandakan.

在 1883 年, 第一间教会学校, 那就是被天主教会建立在山打根的 Byron 学府。

(b) Pada tahun 1887, Sekolah St. Mary ditubuhkan di Sandakan.

1887 年, 圣玛丽学校建立在山打根。

3. Pada tahun 1909, Jabatan Pelajaran ditubuhkan untuk menguruskan sekolah-sekolah di Sabah.

1909 年, 成立教育部门以管理在沙巴的学校。

4. Menjelang tahun 1939, terdapat 49 buah sekolah mubaligh dengan bilangan muridnya seramai lebih kurang 3700 orang.

直到 1939 年, 共有 49 间教会学校和它的学生多达 3700 个。

5. Sekolah Latihan bagi anak-anak Ketua Anak Negeri dibina untuk melatih mereka menjadi pegawai tadbir pada peringkat rendah.

给原住民首长的孩子建造的培训学校，培养他们成为低水平的行政官员。

6. Perkembangan sekolah Melayu di Sabah

沙巴马来学校的发展

(a) Sekolah Melayu pertama di Sabah dibina di Kota Belud pada tahun 1921.

第一个在沙巴的马来学校于 1921 年建立在 Kota Belud。

(b) Pada tahun 1924, Sekolah Bumiputera Keningau ditubuhkan.

1924 年，在根地咬（Keningau）建立原住民学校。

(c) Pada tahun 1930, hanya terdapat 10 buah sekolah Melayu bagi menampung 400 orang murid.

在 1930 年，只有 10 所马来学校以容纳 400 个学生。

7. Perkembangan sekolah Cina di Sabah

华校在沙巴的发展

(a) Sekolah Cina di Sabah dibina oleh masyarakat Cina.

沙巴的华校由华社建造。

(b) Pembinaannya diusahakan melalui sumbangan dan bantuan saudagar Cina.

它的建造由华商捐赠和帮助。

8. Menjelang tahun 1940, terdapat 11 000 orang murid yang mendaftar di sekolah Melayu, sekolah mubaligh dan sekolah Cina di Sabah.

直到 1940 年，共有 11,000 名注册的学生就读于沙巴的马来学校，教会学校和华校。

Mesej Focus 资讯焦点

Sekolah Latihan bagi anak-anak Ketua Anak Negeri dibina di Jesselton pada 1 Julai 1915 oleh SBUB. Tujuan pembinaannya adalah untuk melatih anak-anak Ketua Anak Negeri menjadi pegawai tadbir peringkat rendah. Sekolah ini menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Kurikulumnya ialah membaca, menulis dan mengira.

原住民首长的孩子的培训学校于 1915 年 7 月 1 日在亚庇建造。它建造的目的在于培养原住民首长的孩子成为低水平的行政官员。这学校使用马来文作为教学语言。它的教育大纲是读，写和算。

5.4.3 Kemudahan Sosial 社会设施

1. Kesihatan 医疗设施

(a) SBUB membina hospital untuk memberi khidmat kesihatan kepada penduduk Sabah.

SBUB 建设医院以给沙巴居民提供医疗服务。

(b) Namun, pembinaan hospital hanya terhad di bandar besar seperti Jesselton, Sandakan, Beaufort, dan Kudat.

然而，医院的建设只有限制在大城市比如亚庇，山打根，保佛和古达。

(c) Menjelang tahun 1940, terdapat sembilan buah hospital dan 40 buah klinik di Sabah.

直到 1940 年，在沙巴共有 9 间医院和 40 间诊所。

(d) Pusat kesihatan dibina di kawasan luar bandar.

医疗中心建立在郊外。

(e) Perkhidmatan perubatan tidak dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat Sabah ketika itu kerana bilangan doktor tidak mencukupi.

当时不是所有阶层的社会都可以享受医疗服务，因为医生人数不足。

2. Pada tahun 1903, SBUB telah membina loji air di Kota Kinabalu untuk membekalkan air bersih kepada penduduk.

1903 年，SBUB 在亚庇（Kota Kinabalu）建造水务局以提供清洁的水给居民。

3. SBUB memperkenalkan beberapa perkhidmatan lain untuk menjamin keselamatan.

SBUB 推出几个其他的服服务以确保治安。

(a) Kontinjen polis tempatan ditubuhkan pada tahun 1890-an.

当地警察特遣队成立于 1890 年代。

(b) Pada tahun 1900, SBUB menubuhkan "Skuad Terbang" yang dianggotai oleh pegawai polis tempatan untuk menjamin keselamatan.

在 1900 年，SBUB 成立“飞行队”，由当地警察参与以确保治安。

5.4.4 Perbandaran 城市化

1. Kemajuan ekonomi dan sosial di Sabah menyebabkan kemunculan bandar baru seperti Sandakan, Kudat, Jesselton, Tawau, dan Lahad Datu.

沙巴的经济和社会发展导致新的城市出现，比如山打根，古达，亚庇，斗湖和拿笃（Lahad Datu）。

2. Bandar ini berkembang menjadi pusat pentadbiran dan perdagangan.

这城市发展成为行政和贸易中心。

3. Kudat 古达

(a) Pada tahun 1881, SBUB menjadikan Kudat sebagai pusat pentadbiran yang pertama.

在 1881 年，SBUB 将古达作为第一个行政中心。

(b) Berikutan perkembangan tersebut, sebilangan kecil pedagang mula menetap dan membina kedai di Kudat.

这事的后续发展，一小部分的商人开始在古达定居和建立商店。

(c) Kudat gagal menarik ramai penduduk kerana keadaan geografinya yang tidak sesuai dengan kegiatan pertanian.

古达无法吸引很多居民因为它的地理环境不适合农业。

4. Sandakan 山打根

(a) Diasaskan oleh William Pryer pada tahun 1879.

在 1879 年，由 William Pryer 创立。

(b) Beliau menamakan bandar Sandakan sebagai Elopura yang bermaksud bandar yang cantik.

他把山打根命名为 **Elopura**，意思是美丽的城市。

(c) Pada tahun 1884, SBUB memindahkan pusat pentadbirannya dari Kudat ke Sandakan setelah Kudat didapati tidak sesuai menjadi pusat pentadbiran.

1884 年，当发现古达不适合成为行政中心之后，**SBUB** 将行政中心从古达搬到山打根。

(d) Bandar Sandakan berkembang pesat kerana peranannya sebagai pusat pentadbiran, pusat pembalakan dan pelabuhan antarabangsa.

山打根蓬勃发展因为它的作用为行政中心，木伐中心和国际港口。

5. Jesselton 亚庇

(a) Diasaskan oleh Charles Jessel pada tahun 1900.

在 **1900** 年由 **Charles Jessel** 创立。

(b) Nama asalnya ialah Jessel Town sempena nama pengasasnya.

Jessel 镇原来的名字是用创办人的名字命名。

(c) Nama Jessel Town digunakan untuk beberapa tahun sebelum disingkatkan menjadi nama Jesselton.

Jessel 镇的名字使用几年后，名字被缩短到 **Jesselton**。

(d) Bandar Jesselton juga dikenali dengan nama Api-Api, Singga Mata, dan Diasuka.

亚庇 (**Jesselton**) 镇也被称为 **Api-Api**，**Singga Mata** 和 **Diasuka**。

(e) Pembinaan landasan kereta api dan perkembangan tanaman getah menjadikan bandar Jesselton berkembang pesat.

铁路的建设和橡胶业的发展让亚庇蓬勃发展。

(f) Bandar Jesselton juga merupakan pusat perdagangan dan pelabuhan Sabah yang penting.

亚庇也是沙巴重要的贸易中心和港口。

6. Tawau 斗湖

(a) Merupakan pelabuhan yang terkenal di pantai timur Sabah.

是沙巴西海岸有名的港口。

(b) Eksport utamanya ialah getah, mutiara, abaka, dan kayu balak.

主要的出口产品是橡胶，珍珠，麻蕉和木材。